

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulharmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahar	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	446
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter Nurhazwani Saleh	455
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	462
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	473
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	481
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	487
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	493
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	504
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	511
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	525
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT) Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	537
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	546

Penggunaan Video *YouTube* dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal

Lee Chai Chuen

Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
lcc76@kedah.uitm.edu.my

Nor Azrina Mohd Yusof

Fakulti Perakaunan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
yina1437@kedah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin merupakan satu kelebihan bagi para graduan untuk menempatkan diri di arena pekerjaan, terutamanya di pasaran negara China. Namun begitu, untuk menguasai bahasa Mandarin dengan mahir, para pelajar perlu menguasai terlebih dahulu empat nada, kosa kata serta memahami struktur bahasa yang berbeza. Oleh yang demikian, mempelajari bahasa Mandarin merupakan satu cabaran besar kepada pelajar yang tidak mempunyai asas terutamanya dari segi mengingat dan menyebut nada sesuatu perkataan dengan betul serta mengingat maksud kosa kata walaupun hanya pada tahap permulaan pembelajaran bahasa Mandarin. Justeru itu, penggunaan video *YouTube* sebagai alat bantu mengajar dalam bahasa Mandarin amat bersesuaian kerana terdapat pelbagai manfaat yang boleh didapati oleh pelajar seperti memudahkan pelajar membuat rujukan sendiri, memainkan video berulang-kali untuk mendengar sebutan dengan betul dan juga pengajar boleh memperkenalkan kebudayaan masyarakat Cina dengan menayangkan video yang bersesuaian.

Kata kunci: *YouTube*, video bahasa Mandarin, pengajaran dan pembelajaran.

PENGENALAN

Dalam menuju ke era globalisasi ini, kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa Mandarin merupakan satu kelebihan bagi para graduan untuk menempatkan diri di arena pekerjaan, terutamanya di pasaran negara China. Ini kerana negara China telah menjadi salah sebuah kuasa ekonomi yang terbesar di dunia. Negara China kini mempunyai lebih daripada 1.3 bilion penduduk. Selain itu, disebabkan perkembangan hubungan budaya asing, status Bahasa Mandarin di dunia juga telah meningkat dengan ketara. Berdasarkan statistik daripada *The Most Spoken (n.d)*, bahasa Mandarin mempunyai paling ramai penutur jati di dunia iaitu hampir 1 bilion.

Namun demikian, mempelajari bahasa Mandarin bukan suatu perkara yang mudah kepada para graduan yang tidak mempunyai asas bahasa Mandarin. Ini kerana sebagai penutur bukan jati, mereka perlu mahir menguasai empat nada bahasa Mandarin dan memahami struktur bahasa yang berbeza daripada struktur bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa Mandarin (Lee & Mohd Yusof, 2018). Justeru itu, mempelajari bahasa Mandarin merupakan satu cabaran besar kepada pelajar yang tidak mempunyai asas terutamanya dari segi mengingat dan menyebut nada sesuatu perkataan dengan betul serta mengingat maksud kosa kata walaupun hanya pada tahap permulaan pembelajaran bahasa Mandarin.

Untuk menarik minat pelajar terutamanya penutur bukan jati, para pengajar hendaklah mengambil inisiatif utk mempelbagaikan cara pengajaran dengan menggunakan alat atau bahan bantuan seperti multimedia, dan tidak hanya memfokuskan kepada pengajaran tradisional iaitu *chalk and talk* supaya pelajar dapat berasa mempelajari bahasa Mandarin adalah tidak begitu sukar dan menyeronokkan. Menurut Naismith et al., (2004), perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dengan laju dan secara meluas telah memberi kesan kepada semua aspek kehidupan termasuk bidang pendidikan. Teknologi dalam pendidikan dikaitkan dengan penggunaan peralatan dan teknik pengajaran terkini seperti laptop, telefon pintar, papan putih interaktif, internet, aplikasi *YouTube* dan sebagainya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Malik & Agarwal, 2012). Perkembangan teknologi dalam pendidikan adalah faktor penyumbang kepada pengaplikasian elemen multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, penggunaan elemen multimedia memainkan peranan penting dalam memberikan ciri-ciri interaktiviti yang menarik serta merupakan satu keperluan dalam memperbaiki dan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran pada masa kini (Nayef, 2015). Video merupakan salah satu elemen multimedia banyak diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana video sangat mudah menarik perhatian penonton dalam persembahan aplikasi multimedia. Gamboa (2019) menyatakan bahawa video mempunyai elemen-elemen seperti suara, pergerakan, warna dan lanskap yang berbeza dapat meningkatkan kebolehan pelajar untuk mendapatkan bahan pembelajaran.

Pada zaman teknologi ini, *YouTube* merupakan sebuah laman web perkongsian video yang sangat popular di mana pengguna boleh memuat naik, menonton dan berkongsi klip video (Duffy, 2008). Rangkaian sosial ini bukan sahaja digunakan untuk menyiarkan video peribadi, komersial dan sebagainya, tetapi aplikasi *YouTube* juga telah digunakan sebagai satu medium pengajaran dan pembelajaran oleh pendidik di sekolah, institusi pengajian tinggi, pusat tuisyen dan sebagainya. Ini boleh dilihat dalam laman web *Top 150 Tools for Education 2021*, laman sosial *YouTube* telah menduduki tangga pertama dalam jadual 150 alat terbaik untuk pendidikan pada tahun 2021 (Top Tools, n.d). Justeru itu, aplikasi *YouTube* sangat sesuai digunakan oleh para pengajar dan juga pelajar yang penutur bukan jati dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Mandarin.

DEFINISI YOUTUBE

YouTube ialah sebuah laman web pengekstrakan video Amerika Syarikat yang beribu pejabat di San Bruno, California ("YouTube," 2022). Laman web ini telah dicipta oleh tiga bekas pekerja PayPal iaitu Chad Hurley, Steve Chen dan Jawed Karim pada Februari 2005. Pada November 2006, '*YouTube*' telah dibeli oleh Google ("YouTube," 2022). Pada masa kini, laman web *YouTube* telah menjadi salah satu laman web yang paling terkenal di negara Amerika Syarikat serta di seluruh pelusuk dunia. Sebut sahaja video apa yang ingin ditonton di internet, sudah tentu platform sosial *YouTube* akan menjadi pilihan utama untuk mencari video tersebut. Ini kerana pelbagai kategori seperti hiburan, pendidikan, sejarah, sains, ekonomi, sejarah dan sebagainya semua ada di dalam *YouTube*. Maka boleh dikatakan aplikasi sosial ini merupakan satu platform perkongsian video dan tontonan yang paling diminati oleh pengguna internet.

Laman web *YouTube* mempunyai pelbagai kategori video. Secara umumnya, video-video yang terdapat dalam laman web *YouTube* adalah seperti filem dan animasi, muzik, pendidikan, hiburan, komedi, sukan, blog, cara dan gaya, permainan, sains dan teknologi, berita dan politik, kereta dan kenderaan, menjelajah dan acara, haiwan peliharaan dan haiwan serta video-video yang dimuat turun oleh pengguna *YouTube* itu sendiri. Semua video ini dapat ditonton oleh pelbagai lapisan masyarakat iaitu kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Walau bagaimanapun, terdapat juga video yang tidak ditapis yang mana tidak sesuai ditonton seperti video yang berunsurkan seks, hasutan, penderaan dan sebagainya.

SALURAN YOUTUBE DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN

Laman web *YouTube* boleh berfungsi sebagai satu alat pendidikan kepada penggunanya. Laman sosial ini diibaratkan sebagai sebuah lombong emas untuk pengguna terutamanya pengajar dan pelajar untuk menggali sumber, video dan pelajaran bahasa Mandarin yang berpotensi. *YouTube* menawarkan kandungan yang pelbagai dan hampir tidak terhad, maka dapat memenuhi sebarang keperluan atau pilihan sama ada kepada pengajar atau pelajar. Tambahan pula, *YouTube* adalah percuma dan juga salah satu cara terbaik untuk belajar bahasa Mandarin. Pengguna boleh mempelajari bahasa Mandarin di *YouTube* dengan tiga cara utama iaitu mengikuti video tutorial, menonton klip bahasa Mandarin dengan sari kata bahasa Inggeris dan mendengar lagu dalam video.

Terdapat pelbagai saluran *YouTube* yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin. Di satu sudut lain, ini telah menjadi satu cabaran besar yang dihadapi oleh pengguna apabila mereka ingin mencari saluran atau kandungan yg sesuai untuk mempelajari bahasa Mandarin. Ini kerana cara pengajar dan pelajar memilih dan menggunakan video adalah penting supaya dapat mencapai target pengajaran dan pembelajaran yang optimal. Justeru itu, pengajar dan pelajar boleh terlebih dahulu menggunakan laman web *Google* untuk mencari maklumat tentang saluran-saluran *YouTube* yang bersesuaian dengan tahap pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin. Misalnya mencari laman web *FeedSpot*, *GoEast*, *DigMandarin*, *Hanbridge Mandarin* yang mana boleh mendapatkan senarai saluran *YouTube* pembelajaran bahasa Mandarin yang komprehensif. Berdasarkan laman web *FeedSpot*, saluran *YouTube* pembelajaran bahasa Mandarin yang terbaik adalah seperti *eChineseLearning*, *Yoyo Chinese*, *Chinese Buddy*, *Everyday Chinese*, *SyS Mandarin*, *Mandarin Corner*, *Learn Chinese with Litao*, *Learn Chinese with ChineseClass101.com*, *Fluent in Mandarin*, *Slow & Clear Chinese* dan sebagainya. Saluran *YouTube* ini telah disenaraikan mengikut jumlah pelanggan, tontonan, kiraan video, kualiti video dan kemas kini yang kerap.

FAEDAH PENGGUNAAN VIDEO YOUTUBE DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MANDARIN

Seiring dengan perkembangan multimedia dalam pendidikan, video *YouTube* telah menjadi salah satu media yang popular dan semakin banyak digunakan oleh pengajar sebagai salah satu sumber pedagogi dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Penggunaan video *YouTube* yang bersesuaian dengan kandungan kursus atau mata pelajaran bahasa Mandarin sebagai alat bantuan dalam proses pembelajaran dan pengajaran dapat menarik minat pelajar, membuatkan pelajar mengingat apa yang telah diajar dengan cepat dan berkesan, memberi pengalaman baru yang tidak dapat dibawa masuk ke bilik kuliah, ini secara tidak langsung akan meningkatkan motivasi pelajar untuk belajar bahasa Mandarin dan berasa belajar bahasa Mandarin sangat menyenangkan dan bermakna.

Di samping itu, penerangan secara visual menerusi video dapat memudahkan pelajar untuk memahami dan mengingat konsep pembelajaran yang kompleks (Chtouki et al., 2012). Video mempunyai elemen-elemen multimedia seperti teks, grafik, dan audio adalah senang menarik minat perhatian pelajar dan juga dapat merangsang deria penglihatan dan pendengaran terutamanya pelajar yang ingin mempelajari sebutan dan mengingat maksud pelbagai kosa kata, frasa bahasa Mandarin dengan betul dan tepat. Tambahan pula, video dalam *YouTube* yang digunakan oleh pengajar boleh diakses dan ditonton beberapa kali pada bila-bila masa di *YouTube* atau dimuat turun secara percuma oleh pelajar sekiranya perlu. Ini sangat sesuai dengan keperluan pelajar yang mempelajari bahasa Mandarin pada tahap permulaan kerana belajar menguasai empat nada dalam bahasa Mandarin merupakan cabaran terbesar kepada pelajar terutamanya pelajar yang merupakan penutur bukan jati. Pelajar boleh berlatih dengan menonton beberapa video menarik yang berkaitan dengan nada agar dapat mengingat dan menyebut empat nada dengan baik dan tanpa merasa bosan.

Penggunaan video dapat meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar dalam mempelajari sesuatu. Maka pengajar seharusnya menggunakan video agar dapat memanfaatkan pengajaran di

dalam bilik kuliah sebagai alat yang praktikal bagi menambah kualiti kaedah konvensional sedia ada (Shaples, 2000). Pengajar hendaklah memilih video-video Mandarin dalam *YouTube* yang bersesuaian dengan kandungan silibus pengajaran seperti kosa kata, struktur ayat, dialog ringkas dan ilmu kebudayaan Cina untuk dijadikan sebagai alat bantu mengajar agar menarik minat pelajar dan menjadi pengajaran lebih berkesan. Misalnya pengajar boleh menayangkan beberapa video pendek yang menarik untuk memperkenalkan lagenda, makanan, aktiviti, pantang larang dan sebagainya semasa mengajar topik yang berkaitan dengan perayaan Tahun Baru Cina supaya pelajar dapat lebih mengenali kebudayaan Cina. Pengajar boleh mengamalkan cara menonton sambil memberi penerangan atau menerang selepas menonton. Para pelajar akan lebih mudah tertarik dan menumpukan perhatian dengan menonton video-video pendek ini dan sekaligus dapat mempercepatkan kadar pemahaman pelajar.

Secara umumnya, video merupakan komponen paling menarik dalam multimedia. Terdapat pelbagai video dalam saluran *YouTube* yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Mandarin mampu membawa unsur realistik atau keadaan sebenar kepada pelajar. Ini secara tidak langsung dapat memberikan satu pengalaman baru kepada pelajar. Misalnya video-video yang berkaitan dengan kandungan melancong atau bercuti di China, dapat membawa pelajar ke tempat-tempat yang terkenal di China. Pelajar seolah-olah dapat merasai suasana melancong atau bercuti di tempat itu. Maka pengajaran video ini dapat mempengaruhi perasaan emosi pelajar dengan lebih nyata. Di samping itu, pelajar juga boleh menonton atau mengulangkaji kandungan video yang dipilih dan digunakan oleh pengajar secara ulangan tanpa mengira masa dan tempat. Pelajar juga boleh belajar secara sendiri atau berkumpulan tanpa memerlukan pengajar di sisi mereka sepanjang masa.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, *YouTube* berfungsi sebagai repositori sumber video untuk membantu kedua-dua pengajar dan pelajar (DeWitt et al., 2013). Ini secara tidak langsung dapat memudahkan pengajar dan pelajar untuk membuat rujukan berkenaan sesuatu kandungan pengajaran dan pembelajaran. Pengajar dan pelajar boleh melanggan saluran *YouTube* pembelajaran bahasa Mandarin yang gemar dan berguna supaya dapat mencari saluran itu semula dengan senang pada masa yang diperlukan. Selain itu, pelajar boleh menonton video dengan mengawal perjalanan video iaitu memainkan video, memberhentikan seketika atau mengulangi video mengikut keperluan dan tahap kefahaman masing-masing semasa mereka hendak membuat rujukan dan mengulangkaji kandungan dalam video. Maka proses pembelajaran dapat dilakukan mengikut keperluan dan tahap penerimaan pelajar dan bukan sekadar mengikut keperluan pengajar.

Justeru itu, penggunaan video *YouTube* sebagai alat bantu mengajar dalam bahasa Mandarin amat bersesuaian kerana terdapat pelbagai manfaat yang boleh didapati oleh pelajar seperti memudahkan pelajar membuat rujukan sendiri, memainkan video berulang-kali untuk mendengar sebutan dengan betul dan juga pengajar boleh memperkenalkan kebudayaan masyarakat Cina dengan menayangkan video yang bersesuaian.

KESIMPULAN

Mempelajari bahasa Mandarin memerlukan pelajar menguasai empat nada. Ini kerana kesilapan menyebut dan membaca nada yang berlainan akan membawa maksud berlainan. Secara tidak langsung, pelajar mudah berasa bosan dan tidak yakin untuk menyebut dan berkomunikasi dalam bahasa Mandarin. Justeru itu, pengajar hendaklah mengambil inisiatif untuk mengguna alat bantu mengajar seperti *YouTube* untuk menarik minat pelajar. *YouTube* merupakan satu platform perkongsian video yang paling diminati ramai oleh pengguna internet. Ini kerana terdapat pelbagai video yang boleh dikategorikan sebagai hiburan, pendidikan, sejarah, sains, ekonomi, sejarah dan sebagainya ada di dalam *YouTube*. Di dalam pengajaran bahasa Mandarin, penggunaan *YouTube* amat bersesuaian kerana terdapat pelbagai faedah seperti pelajar boleh memainkan video tersebut berulang-kali untuk mendengar cara sebutan, sebagai bahan tambahan mengajar kepada pelajar dan juga boleh memperkenalkan kebudayaan masyarakat Cina.

RUJUKAN

- Chtouki, Y, Harroud, H., Khalidi, M. & Bennani, S. (2012). The impact of YouTube videos on the student's learning 2012. *International Conference on Information Technology Based Higher Education and Training (ITHET)*, 1-4, doi: 10.1109/ITHET.2012.6246045. 10.09.2020.
- DeWitt, D., Alias, N., Siraj, S., Yaakub, M.Y., Ayob., J & Ishak, R (2013). The potential of Youtube for teaching and learning in the performing arts. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 103,1118 – 1126.
- Duffy, P. (2008). Engaging the Youtube Google-Eyed generation: Strategies for using web 2.0 in teaching and learning. *Electronic Journal e-Learning*, 6(2), 119 – 130.
- Gamboa, R. (2019). Student made videos used to increase creativity, motivation, problem solving, critical thinking and communication competences. *Proceedings of ICERI2019 Conference 11th-13th November 2019, Seville, Spain*.
- Lee, C.C., & Mohd Yusof, N.A., (2018) Penggunaan Pleco dalam pembelajaran bahasa Mandarin. In S.Ibrahim., Salamat, A.S.A., Mokhtar, N., Zamhury., & Zolhani, N.A. (Eds.), *Engaging New Vistas in the Frontiers of Knowledge: Selected papers from Technology Social Science & Humanities 2018* (pp.215-224).
- Malik, S. & Agarwal, A. (2012). Use of Multimedia as a new educational technology tool– A study. *International Journal of Information and Education Technology*, 2(5), 468-471.
- Naismith, L., Lonsdale, P., Vavoula, G., & Sharples, M. (2004). *Literature review in mobile technologies and learning*. Futurelab Series: Report 11. Retrieved July 23, from <https://www.nfer.ac.uk/publications/FUTL15/FUTL15.pdf>
- Nayef, B. H. (2015). The advantages and disadvantages of using multimedia in education. *Journal of Al-Turath Univeresity College*, 2(19), 96-104.
- The Most Spoken Language 2022* (n.d.). Statistic and Data. Retrieved June 23, 2022, from [The Most Spoken Languages 2022 - Statistics and Data](#)
- Sharples, M. (2000). The design of personal mobile technologies for lifelong learning. *Computers & Education*. 34(3), pp. 177- 193.
- Top Tools for Learning 2021: Results of the 15th Annual Survey* (n.d). The Top Tools. Retrieved June 20, 2022, from <https://www.toptools4learning.com/ed150/>
- Youtube. (2022, January 2022). In Wikipedia. https://ms.wikipedia.org/wiki/YouTube#cite_note-A2-3